

Singapura kekal antara negara paling bebas rasuah di dunia, dengan menduduki tempat keempat di dunia, menurut Indeks Persepsi Rasuah 2019 yang dihasilkan Transparency International. Saban tahun, Singapura dipandang baik di peringkat antarabangsa bagi usaha antirasuahnya. Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) antara lain telah memainkan peranan penting dalam usaha ini. **ERVINA MOHD JAMIL** (ervinamj@sph.com.sg) dan **HAZIRAH NURFITRAH HANIFAR** (haziirah@sph.com.sg) melaporkan antara usaha baru agensi tersebut serta kes yang dikendalikan pegawainya.

Khidmat 'e-bail' jimat masa, tenaga lanjutkan tempoh ikat jamin

INDIVIDU yang sedang disiasat oleh Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) dan dilepaskan dengan ikat jamin kini boleh melanjutkan tempoh ikat jamin mereka tanpa perlu pergi ke pejabat agensi itu bersama penjamin mereka.

Ini kerana agensi itu baru-baru ini telah memperkenalkan khidmat ikat jamin elektronik (*e-bail*) yang juga boleh menjimat masa dan sumber.

Dengan khidmat ini, Penolong Pengarah Kanan (Perancangan Strategik dan Transformasi) CPIB, Cik Tan Chai Ying, berkata individu yang sedang disiasat itu dan penjaminnya akan mendapat peringatan mesej pesanan ringkas atau SMS tiga hari sebelum ikat jamin itu berakhir, dengan pautan untuk memasuki sistem *e-bail* tersebut.

Mereka akan mendapat peringatan SMS setiap hari sehingga 12 tengah hari pada hari ikat jamin itu berakhir.

Individu yang sedang disiasat itu dan penjaminnya harus membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh ikat jamin menerusi sistem itu bersama.

Mereka boleh melakukan demikian secara dalam talian, di mana sahaja mereka berada, tetapi kedua-dua individu itu harus berhubung dengan satu sama lain semasa membuat permohonan tersebut.

Kemudian, CPIB akan memproses permohonan mereka.

Selepas diluluskan, individu yang sedang disiasat itu dan penjaminnya akan dimaklumkan menerusi SMS, dengan pautan bagi mereka memuat turun borang ikat jamin itu.

Menurut Cik Tan, khidmat *e-bail* itu mula dirintiskan November lalu dengan 10 individu yang sedang disiasat, namun telah diperluas sejak lewat bulan lalu.

Namun, mereka yang tidak selesa menggunakan sistem itu masih boleh membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh ikat jamin mereka dengan pergi langsung ke pejabat CPIB di Lengkok Bahru dekat Redhill.


"Ada yang tidak mahu menggunakan khidmat ini. Bagi sesetengah warga emas, mereka tidak pasti bagaimana untuk menggunakannya."

"Namun apabila sistem ini menjadi lebih matang, mereka mungkin akan rasa lebih yakin menggunakannya," ujar Cik Tan.

Khidmat *e-bail* ini bukan sahaja dapat menjimat masa tetapi menawarkan pelbagai manfaat lain.

Menurut CPIB, seorang pegawai biasanya mengambil masa sehingga 20 minit untuk memproses permohonan melanjutkan tempoh ikat jamin bagi individu yang sedang disiasat dan penjaminnya yang pergi langsung ke pejabat agensi itu.

Dengan sekitar 3,000 ikat jamin yang dilanjutkan dalam setahun, ini bermakna kira-kira 1,000 jam dihabiskan bagi tujuan tersebut.



LEBIH MUDAH: Mereka yang perlu melanjutkan tempoh ikat jamin kini boleh melakukannya secara dalam talian tanpa perlu ke pejabat CPIB. – Foto CPIB

"Proses permohonan melanjutkan tempoh ikat jamin secara fizikal biasanya mengambil masa sehingga 60 minit, termasuk waktu perjalanan dan waktu menunggu. Dengan *e-bail*, penjamin hanya memerlukan 10 minit untuk mengisi permohonan di dalam talian."

– CPIB

Namun dengan khidmat *e-bail*, seorang pegawai hanya memerlukan lima minit untuk memproses setiap ikat jamin. Ini bermakna sebanyak 750 jam dapat dijimatkan setahun.

Ini juga membolehkan CPIB menjimatkan sumber tenaga manusianya, dengan pegawai ikat jamin dapat dikerah untuk melakukan tugas lain.

Bahkan, manfaat bagi penjamin lebih meluas.

"Proses permohonan melanjutkan tempoh ikat jamin secara fizikal biasanya mengambil masa sehingga 60 minit, termasuk waktu perjalanan dan waktu menunggu. Dengan *e-bail*, penjamin hanya memerlukan 10 minit untuk mengisi permohonan di dalam talian," kata CPIB.

Sementara individu yang sedang disiasat CPIB terikat dengan siasatan itu, agensi itu mengiktiraf bahawa penjamin tidak terlibat dengan siasatan berkenaan.

Sebaliknya, mereka mungkin sekadar teman atau anggota keluarga individu yang sedang disiasat itu.

"Dengan konteks ini, kami harus cuba mengurangkan kesulitan yang dialami penjamin," ujar CPIB.

Antara penjamin yang telah menikmati khidmat *e-bail* ini termasuk Cik Zainah (bukan nama sebenar), 50 tahun, yang merupakan penjamin bagi adiknya sejak dua tahun lalu.

Peniaga itu sebelum ini mengambil masa sekitar sejam untuk ke bangunan CPIB dari rumahnya dengan menaiki pengangkutan awam bagi proses melanjutkan tempoh ikat jamin adiknya itu.

Beliau juga harus ke bangunan agensi itu enam kali setahun kerana pada setiap kali, tempoh ikat jamin akan dilanjutkan sehingga dua bulan.

Namun sejak menggunakan khidmat *e-bail* Januari lalu, beliau dan adiknya boleh membuat permohonan melanjutkan tempoh ikat jamin setiap bulan secara dalam talian.

Namun selepas setiap tiga permohonan berturut-turut menggunakan kaedah itu, mereka harus pergi ke bangunan CPIB untuk melanjutkan tempoh ikat jamin itu.

Ini bermakna dalam setahun, mereka hanya perlu ke bangunan tersebut tiga kali sepanjang siasatan masih dijalankan dan adiknya dibebaskan dengan ikat jamin.

Makan rasuah 50 sen? Pegawai CPIB kongsi pengalaman siasat kes

APABILA pemandu pelancong bebas dari Indonesia, Harry Ristanto memberitahu rakan kerja, syarikat dan pihak polis yang beliau telah memberi rasuah \$1,500 kepada pegawai Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) pada 2012, beliau sedar bahawa maklumat ini tidak benar.

Setelah meninggalkan Singapura selama tujuh tahun, Ristanto akhirnya kembali dan dipenjarakan selama tiga minggu pada 2019.

Ketua penyiasat khas Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) Encik Ishkandar berkata bahawa undang-undang melindungi individu daripada tuduhan palsu seperti itu dan memastikan penuduh seperti Ristanto tidak lepas daripada keadilan.

Ristanto pada masa itu sedang memandu sekumpulan pelancong dari Indonesia bersama seorang lagi pemandu pelancong dari Malaysia.

Apabila syarikat beliau mendapat tahu tentang dakwaan Ristanto, mereka meminta beliau ceritakan lagi apa yang terjadi untuk ditulis dalam surat rasmi, yang kemudian ditanda tangan oleh Ristanto.

Walaupun sudah tujuh tahun berlalu sejak kejadian itu, Ristanto tetap dihukum sebak sahaja beliau kembali ke Singapura.

"Kes ini menekankan mesej bahawa pegawai awam terlindung daripada tuduhan palsu dan siasatan kami akan membuktikan sama ada tuduhan itu benar atau salah."

"Bukan itu sahaja, jika pegawai itu menerima sebarang rasuah dan membenarkan sesiapa yang berniat buruk untuk memasuki negara kita, ia boleh meninggalkan akibat yang meluas kepada keselamatan negara dan keselamatan sosial, jadi kami perlu mengambil berat dakwaan dan siasatan seperti ini," kata Encik Ishkandar, antara pegawai yang menyiasat kes itu.

Nama penuh pegawai CPIB seperti beliau tidak boleh disiarkan atas sebab operasi.

"Saya rasa mesej yang penting adalah tidak kira betapa kecil rasuah itu, kita tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti rasuah. Ini perkara yang paling penting. Jika kita biarkan satu sahaja kes rasuah lepas, meskipun 50 sen sahaja, ia akan terus bertambah buruk."

– Penyiasat Khas Kanan CPIB, Cik Nuramira

CPIB menyiasat kes rasuah di kedua-dua sektor awam dan sektor privat.

Satu lagi kes menarik yang disiasat oleh CPIB melibatkan rasuah 50 sen.

Dalam kes tersebut, seorang pengendali trak angkat susun Ng Kee Hock diberi amaran bersyarat setelah beliau menerima rasuah sebanyak 50 sen dari seorang pemandu trak treler supaya tidak menagguhkan pemunggalan dua kontena dalam trak treler beliau.

Pemandu trak treler itu juga diberi amaran bersyarat.

Pegawai yang menyiasat kes itu, penyiasat khas kanan Cik Nuramira berkata:

"Saya rasa mesej yang penting adalah tidak kira betapa kecil rasuah itu, kita tidak boleh

melibatkan diri dalam aktiviti rasuah. Ini perkara yang paling penting."

Dalam satu lagi kes serupa, seorang pengendali trak angkat, Zhao Yucun dipenjarakan selama empat bulan dan didenda \$10,863 atas kesalahan menerima rasuah.

Siasatan oleh CPIB membuktikan bahawa Zhao telah menerima rasuah antara \$7 hingga \$10 setiap hari sepanjang masa dia bekerja di syarikatnya, Cogent Container Depot.

Seperti kes Ng Kee Hock, jumlah rasuah yang diterima memang selalu kecil, antara 50 sen dan \$1.

"Jika kita biarkan satu sahaja kes rasuah lepas, meskipun 50 sen sahaja, ia akan terus bertambah buruk," kata Cik Nuramira.

KES RASUAH YANG PERNAH DISIASAT CPIB

1) Kes Rasuah Ditolak

Pada 17 Mei 2015, pembantu pegawai polis Mohamed Faizal Mohd Noh menghentikan seorang pembonceng motosikal yang tidak memakai topi keledar.

Encik Faizal memberitahu polis trafik tentang hal ini dan menahan pembonceng itu semasa menunggu polis trafik tiba.

Pembonceng itu menawarkan \$20 kepada Encik Faizal supaya tidak menyerahkan beliau kepada polis.

Encik Faizal menolak rasuah itu dan kes itu dilaporkan kepada CPIB, yang menyiasat kejadian tersebut.

Pesalah itu akhirnya didakwa dan dipenjarakan selama empat minggu atas kesalahan cuba memberi rasuah.

2) Kes Pasport

Empat pekerja asing East Marine Pte Ltd yang bekerja di atas kapal telah menyerahkan pasport mereka kepada rakan kerja dari Jabatan Anak Kapal semasa bekerja.

Pasport itu hanya diberi kepada mereka pada hari cuti. Jika pekerja itu ingin keluar negara pada hari kerja, mereka perlu memohon untuk cuti.

Sebaliknya, pekerja itu menawarkan rasuah antara \$20 hingga \$300 kepada empat lagi pekerja untuk memulangkan pasport mereka itu.

CPIB memberi amaran bersyarat kepada semua yang terlibat.

Pekerja yang menerima rasuah itu harus membayar balik duit rasuah kepada negara, manakala mereka yang membayar rasuah harus membayar balik gaji terlebih mereka kepada East Marine Pte Ltd.